

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI BANK RAKYAT CAWANGAN TEMERLOH, PAHANG, PADA 5HB JUN, 1973

Y.A.B. Datuk Haji Abdul Aziz, Menteri Besar Pahang; Y.A.B. Datuk Haji Harun Idris; Yang Dipertua, Bank Rakyat, Dif-dif yang terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan terimakasih kepada Yang Dipertua dan Lembaga Pengarah Bank Rakyat ini kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan cawangannya yang baru di Temerloh. Cawangan Bank ini ialah yang sulung di Negeri Pahang dan saya rasa orang-orang di Temerloh sangat bertuah kerana bandar ini mendahului bandar-bandar lain sebagai tapah bagi Bank ini memulakan operasinya untuk membantu rakyat meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Perasmian Cawangan Bank ini mempunyai makna yang besar sebagai mengambil sempena Hari Koperatif Antarabangsa pada 7hb ini, yang akan dirayakan seperti sudah-sudah. Bangunan baru ini di tempat yang dulunya gerai buah-buahan menambahkan lagi lambang kemegahan bagi bandar Temerloh, di samping Dewan Bandaran yang baru. Saya sukacita Bank Rakyat memilih Temerloh sebagai tapak permulaannya oleh kerana di sini terdapat ramai penduduk Bumiputra dan terkenal pula dengan kegiatan mereka di lapangan perniagaan. Kedai sederet di sebelah bangunan bank ini, sepanjang ingatan saya, ialah yang mula-mula didirikan lama sebelum perang dulu lagi dan hingga sekarang ini pun masih jadi tempat perniagaan Bumiputra.

Saya diberitahu di Daerah Temerloh sekarang terdapat dua puluh satu buah syarikat koperatif yang mempunyai ahli hampir 5,000 orang, dengan modal saham sebanyak \$700,000. Jadi sungguh kenalah pada tempatnya ditubuhkan di sini dulu tambahan pula orang kuat Bank Rakyat Tan Sri Haji Yahya pun duduk di Temerloh. Potential ini boleh menjadi luas lagi memandang pada beberapa pusat-pusat pertumbuhan ekonomi sekitar daerah ini seperti di Kawasan Jengka dan juga rancangan-rancangan F E L D A yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Kemajuan yang telah dicapai oleh Bank Rakyat sungguh menggalakkan. Perkhidmatan yang diberikan kepada petani-petani

dalam kawasan-kawasan jelapang padi seperti Sabak Bernam, Bagan Serai dan Alor Setar mencatatkan kejayaan yang memuaskan. Tidaklah hairan kalau petani-petani padi memandang tinggi kepada Bank Rakyat daripada yang lain-lain. Saya memuji langkah Bank Rakyat meluaskan kegiatannya dengan menubuhkan Bank Perdagangan atau Commercial Banking. Langkah ini amatlah wajar kerana melalui ini lebih ramai pula orang perseorangan yang boleh menjadi keluarga Bank Rakyat tanpa melalui syarikat koperatif seperti halnya sekarang ini.

Menurut Y.A.B. Datuk Harun tadi, sebuah lagi Cawangan Bank ini telahpun memulakan operasinya di Baling sementara beberapa Cawangan lagi sedang dalam perancangan. Jelaslah kepada kita bahawa pelaksanaan dasar yang dinamis ini bukan saja menjamin perkhidmatan bank kepada golongan rakyat yang semakin ramai, bahkan memberikan banyak peluang pekerjaan kepada belia kita khasnya mereka yang mempunyai specialization di lapangan banking.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam context inilah saya ingin menyentuh perkara-perkara yang selalu benar dibangkitkan oleh orang-orang yang mengakui puak socialist dan memperjuangkan socialism, khasnya mereka yang diam di Temerloh ini. Saya dukacita mereka ini seolah-olah tidak melihat ataupun barangkali hanya tidak mahu mengakui hakikat kejayaan ,dan kemajuan yang telah kita capai semenjak merdeka. Kalau yang masih muda barangkali mereka tidak tahu keadaan sebelum itu dan penderitaan rakyat semasa tempoh darurat dulu, betapa azab sengsaranya waktu itu.

Tetapi keadaan hari ini sudah jauh berbeza dari masa itu, sudah banyak kemajuan yang jelas di depan mata baik di Temerloh ini, di Mentakab, ataupun di kampung-kampung sepanjang Sungai Pahang dan Sungai Semantan. Lazimnya kita mengukur kemajuan atau kejayaan ialah membandingkan dengan keadaan sekarang dan di masa lampau, bukanlah dengan apa yang diangan-angankan ataupun yang dijangkakan terjadi limapuluh atau seratus tahun akan datang.

Saya mengakui kejayaan dan kemajuan yang dicapai hingga kini masih belum memuaskan dan dengan kerana itulah kita berusaha sedaya upaya untuk mencapai tingkat kemajuan yang lebih tinggi. Hanya perkara yang mesti sentiasa diingat dan tidak

boleh lari daripadanya ialah tujuan kita semata-mata hendak membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat khususnya kepada orang-orang kita di kampung-kampung.

Jadi dalam usaha mencapai tujuan ini, perkara yang pokok ialah menambah usaha pembangunan dan mempesatkan pertumbuhan ekonomi—*accelerating economic growth*—supaya membawa kemakmuran yang dicita-cita itu. Hanya dengan adanya kemakmuran barulah terbuka peluang yang lebih kepada rakyat khususnya mereka yang daif dan tidak berada, dan dapatlah mereka bersama-sama menikmati kemakmuran itu. Kalau diibaratkan kemakmuran itu kueh, usaha kita sekarang ialah membuat kueh yang lebih besar supaya setiap rakyat mendapat bahagian yang wajar daripadanya dan inilah yang kita maksudkan dengan masyarakat adil seperti yang digariskan dalam Rukunegara.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah melawat beberapa negara Socialist termasuk jaguh Socialism iaitu Soviet Union. Di sini pun saya dapat perhatikan iaitu matlamat mereka ialah kemakmuran dan kebahagiaan hidup dalam artikata memberikan peluang kepada setiap orang rakyat. Dan dalam hal ini, mereka juga menerima dan mengamalkan konsep *ACCELERATING economic growth*, dan kita lihat sendiri baik Russia maupun Cina membuka pintu untuk hubungan perdagangan dengan negara-negara capitalist seperti Amerika Syarikat, Jepun, France dan Jerman Barat. Negara-negara Socialist yang kecil seperti Poland dan Yugoslavia memandang kepada negara-negara Capitalist Barat untuk membantu technical know-how di bidang teknologi moden.

Jadi, tegasnya dalam soal meninggikan taraf ekonomi rakyat dan mewujudkan masyarakat adil di negara kita, cara yang kita amalkan sekarang adalah sebaik-baiknya. Kita masih banyak lagi kekayaan, negara masih luas tanah yang boleh dibuka untuk berbagai rupa tanaman seperti kelapa sawit, getah, halia bahkan apa jua. Begitu juga dengan industry, kita akan cuba bawa seberapa banyak lagi ke negeri Pahang ini dan dengan itu membuka seberapa banyak peluang kepada rakyat.

Inilah hakikat yang patut difaham oleh orang-orang yang mengakui mereka Socialist itu, kerana bentuk Socialism yang mereka bawa dan cara tindakan yang mereka cadangkan iaitu nationalisation atau menjadikan milik negara ladang dan industry

tidak sesuai dengan keadaan kita. Kemakmuran tidak dapat dicapai dengan membahagi-bahagikan apa yang ada. Masyarakat adil tidak akan wujud dengan merampas hak orang lain dan membahagi-bahagikannya kepada rakyat. Pada hemat saya, ini bukan bermakna membahagikan kemakmuran oleh kerana tidak seberapa ramai bilangan yang kaya di negara ini tetapi sebaliknya akan membawa kita kepada kepapaan dan kemiskinan. Kalau saya simpulkan dalam Bahasa Inggeris "we must share prosperity and this must be done by increasing our economic growth. Nationalisation is not only unjust as it means taking away from others, but without attendant growth and increasing the nation's wealth, we will end up with sharing poverty."

Saudara-saudara sekalian,

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Bank Rakyat seluruh negara atas kejayaannya setapak lagi ke arah mencapai matlamatnya. Selain dari urusan biasanya, saya mengalu-alukan juga rancangan pinjaman perumahan untuk ahli-ahli dan dengan itu menambah lagi bilangan orang yang memiliki rumah sendiri. Kepada Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan saya mengulangi lagi keyakinan dan harapan semuga Bank Rakyat ini akan terus maju serta memberikan sumbangan yang besar kepada cita-cita negara makmur dan aman sentosa.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, saya rasmikan Bank Rakyat Cawangan Temerloh ini.